



Received: 2021-07-14

Accepted: 2022-12-09

Published: 2022-12-15

Original Article

Falsafah Liberalisme di Malaysia: Satu Sorotan Awal

Liberalism Philosophy in Malaysia: A Preliminary Highlights

Ibrahim Majdi Mohamad Kamil^{*}, Khadijah Mohd Khambali@Hambali^a & Wan Adli Wan Ramli^a

^a Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia.

^{*} Corresponding author, email; ibrahimmajdi91@gmail.com

ABSTRACT

This article focuses on the evolution and development of liberalism especially in Malaysia since being brought by western colonizers till form social movements in Malaysia preliminary. The philosophy of liberalism in Malaysia is not a newly thought issue, but one that has existed among Malaysian Muslim community for a long time. Throughout the history, the liberalism ideology has evolved among the people of Malaysia since it was first brought in, it is known as liberal Islamic movements. In the modern times, Liberalism's advocates have increasingly and rapidly embraced the ideology of liberalism, especially through the liberal Islamic movement and in the name of human rights. Although liberalism has been part of the society in the areas of life such as economy, politics, culture, law and administration in Malaysia, the development and dissemination of the liberalism ideology can lead to a threat in 'aqidah (faith) especially among Muslims today in Malaysia.

Keywords: Liberalism, Islamic movement, liberal Muslim & Liberalism Philosophy.

Pengenalan

Perbezaan pendapat dalam Islam boleh memberi kesan yang positif dan juga negatif. Dari sudut yang positif, perbezaan pendapat dianggap merupakan satu rahmat di dalam Islam. Setiap masyarakat tidak mungkin akan mempunyai seratus peratus cara pemikiran yang sama. Walaubagaimanapun, dari sudut negatifnya pula, apabila individu atau kumpulan yang kuat berpegang kepada pemikiran yang dipegang, masing-masing boleh menimbulkan polemik antara satu sama lain. Malah, kesan yang lebih besar adalah perbalahan boleh menyebabkan perpecahan sesama umat Islam.

Perbezaan pemikiran akan mewujudkan konflik dalam masyarakat. Konflik yang berlaku boleh menyebabkan perpecahan sekiranya tidak ditangani dengan baik. Pertembungan pemikiran telah lama berlaku di dalam Islam terutamanya selepas era kewafatan Nabi Muhammad SAW. Perlu diingat bahawa pertembungan pemikiran bukan hanya berlaku di dalam

agama Islam sahaja, tetapi agama-agama lain juga. Sebagai contoh, bagaimana agama Kristian yang kini telah berpecah kepada beratus aliran pemikiran. Malah, perpecahan mereka menyebabkan kejatuhan sistem pemerintahan gereja dan melahirkan suatu bentuk pemerintahan yang sekular. Malah zaman Renaissance telah menjadi kemuncak perpecahan dan bermulanya perkembangan pemikiran liberalisme kristian di Eropah. Liberalisme kemudiannya semakin berkembang dengan adanya pengaruh falsafah baharu yang disebut sebagai falsafah pascamodenisme. Kajian ini akan membincangkan latar belakang isu liberalisme dan hubung kaitnya dengan falsafah pascamodenisme khususnya di Malaysia.

Artikel ini memfokuskan evolusi dan perkembangan liberalisme khusus di Malaysia sejak dibawa oleh penjajah barat sehingga membentuk sebuah gerakan sosial di Malaysia. Liberalisme adalah satu ideologi yang telah membentuk pemikiran yang bebas. Ianya berbeza dengan pemikiran tradisional atau konservatif yang wujud lebih awal dalam masyarakat Muslim di Malaysia. Sebelum menyelusuri perkembangan liberalisme khususnya di Malaysia, artikel ini menyoroti latar belakang ringkas mengenai pemikiran liberalisme dengan tujuan membetulkan salah faham terhadap konsep liberal dan liberalisme. Oleh yang demikian, kajian ini akan memberikan definisi konsep bagi memberi justifikasi terhadap tajuk ini.

Liberal dan Liberalisme

Liberal dan liberalisme merupakan dua istilah yang berbeza. Dari sudut bahasa, meskipun keduanya cenderung kepada kebebasan, tetapi istilah liberal lebih merujuk kepada jenis tindakan berbanding istilah liberalisme yang merujuk kepada falsafah, fahaman atau pun pendirian. Merujuk kepada Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), perkataan liberal merujuk kepada kebebasan dan pemerintahan yang demokratik, ataupun ruang kebebasan dalam pasaran di dalam bidang ekonomi, atau kebebasan atau keterbukaan dalam bidang sains dan teknologi dan sebagainya.¹

Manakala bagi maksud liberalisme pula merujuk kepada satu bentuk fahaman, ataupun fahaman atau pendirian yang berkehendakkan demokrasi serta kebebasan dalam kegiatan ekonomi.² Tuntasnya, istilah 'liberal' merujuk kepada tindakan yang mesti dilakukan oleh aktor. Manakala 'liberalisme' adalah satu falsafah yang berbentuk fahaman, ideologi, prinsip atau pun kepercayaan yang boleh mempengaruhi individu atau kelompok masyarakat. Sehubungan itu, dalam usaha memahami terma 'liberalisme' lebih rinci; artikel ini merencamnya dengan merujuk kepada ideologi dan pemikiran yang di bawa oleh falsafah liberalisme.

Dari sudut istilah pula, perkataan 'liberalisme' merupakan hasil gabungan perkataan 'liberal' yang membawa maksud kebebasan dan 'isme' yang membawa maksud kepercayaan. Ini bererti, secara umumnya liberalisme merupakan suatu falsafah atau kepercayaan yang meletakkan kebebasan individu sebagai nilai politik yang paling tinggi³. Liberalisme lahir dari era *renaissance* iaitu kelompok masyarakat yang memperjuangkan kebebasan diri dari cengkaman kuasa tradisi iaitu kuasa gereja dan mencetuskan falsafah liberalisme yang telah melahirkan

¹ Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, <http://prpm.dbp.gov.my>[27/11/2018].

² Kamus Dewan, ed.4, (Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 72.

³ Mohamad kamil b. Hj Ab Majid et al., *Wasatiyyah Islam: Antara Liberalisme dan Konservatisme di Malaysia*, (Ampang: Pekan Buku Publications, 2012), 123.

tokoh falsafah liberalisme seperti John Locke (1634-1704), Immanuel Kant (1724-1804) dan Adam Smith (1723-1790)⁴.

Sehubungan itu, istilah yang lahir daripada sarjana Barat ini sering digandingkan dengan elemen sekularisme, kebebasan mutlak, individualisme, demokrasi liberal, rasionalisme, feminisme, humanisme, pragmatisme, dan pluralisme⁵. Justeru, mana-mana bentuk pemikiran yang bercirikan liberalisme sudah pastinya mempunyai kecenderungan yang tinggi kepada pemikiran liberalisme. Sebahagian daripada unsur ini wujud di dalam konteks masyarakat Muslim di Malaysia terutamanya melalui gerakan Islam liberal.

Menurut pandangan sarjana Melayu Malaysia antaranya Abdul Rahman Abdullah menyatakan bahawa liberalisme merupakan satu bentuk aliran pemikiran baru selepas pemikiran tradisional, moden, dan reformis.⁶ Manakala Shamsul Amri Baharuddin pula menyatakan bahawa liberalisme adalah proses dari pihak barat untuk melawan masyarakat Malaysia sama ada secara fizikal mahupun epistemologi.⁷ Tambahan lagi, kumpulan aliran liberalisme ini memahami wahyu berdasarkan paradigma liberalisme. Ini antara sikap keterlaluan pendukung pemikiran liberalisme sehingga berlaku salah faham dan salah tafsir terhadap mesej wahyu secara khusus dan kehendak agama secara am.⁸ Tidak menghairankan, liberalisme sering dikaitkan dengan sesuatu yang lebih banyak keburukan daripada kebajikannya terutama dalam konteks masyarakat Melayu dan Muslim di Malaysia.

Liberalisme turut sering menggunakan slogan yang dilihat dapat menarik minat masyarakat semasa. Gerakan liberalisme sering mendakwa bahawa gerakannya adalah penting dalam mendepani cabaran daripada barat, modenisasi, globalisasi, teknologi maklumat dan cabaran luaran. Pendukung gerakan ini mendakwa bahawa ianya adalah respons kepada kolonial barat dan mendepani cabaran modenisasi barat. Realitinya, gerakan liberalisme hanya menyebabkan kemusnahan umat Islam⁹. Ini kerana gerakan liberalisme termasuk di Malaysia terpengaruh dengan modenisasi, realisme, pragmatisme, dan sekularisme¹⁰. Untuk menelusuri perihal ini, perbincangan tertumpu kepada gerakan liberalisme di Malaysia yang merangkumi aspek sekularisme, pluralisme dan feminisme.

Skop dan Metodologi

Perbincangan dalam artikel ini berkonsepkan kepada sorotan terhadap data-data yang diperolehi daripada bahan bersifat dokumentasi dalam pelbagai bentuk penerbitan, termasuk bahan-bahan yang tidak diterbitkan seperti tesis dan disertasi di peringkat pengajian tinggi. Data dianalisis melalui pendekatan induktif, deduktif dan diskriptif. Fokus perbincangan kepada idea liberalisme dan perkembangannya di Malaysia, bermula dari zaman pasca sebelum kemerdekaan sehingga berkembang kepada zaman selepasnya. Oleh itu, perbincangan hanya memfokuskan

⁴ Ibid.

⁵ Ibid.

⁶ Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia, Sejarah dan Aliran*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 13.

⁷ Shamsul Amri Baharuddin, *Budaya Yang Tercabar*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 17-29.

⁸ Wan Adli Wan Ramli, 2014, Menangani Cabaran Liberalisme Dalam Kalangan Muslim Berdasarkan Konsep Ijmak, *Jurnal Usuluddin* 40: (2014): 27-49.

⁹ Ibid., 47.

¹⁰ Ibid.

kepada aspek perkembangan liberalisme tersebut sehingga lahir beberapa kumpulan atau golongan yang mendukung idea ini.

Hasil Analisis

Sorotan Perkembangan Liberalisme

Berdasarkan kepada sorotan analisis yang telah dijalankan oleh pengkaji terhadap perkembangan liberalisme, kajian ini mendapati bahawa perkembangan liberalisme di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua fasa utama. Pembahagian ini dirujuk kepada [1] Liberalisme Sebelum Merdeka dan [2] Liberalisme Pasca Merdeka

[1] Liberalisme Sebelum Merdeka

Dalam perbincangan awal pengenalan artikel ini, pengkaji telah memberi hubung kait di antara perkembangan *Renaissance* dan pengaruh liberalisme dalam masyarakat Eropah. Dalam konteks Malaysia, fahaman liberalisme merujuk kepada masyarakat Muslim di Malaysia yang menyebabkan timbulnya terma Islam liberal. Pemikiran liberalisme ini bukanlah suatu pemikiran yang baharu. Pemikiran ini telah wujud sejak lebih awal sama ada secara sedar ataupun tidak sedar. Malah, perkembangan pemikiran liberalisme bukanlah sesuatu yang terputus tetapi berkait dengan liberalisme yang tersebar di Eropah.

Bibit liberalisme telah muncul lebih awal dalam kalangan masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Bezanya, pada era pra merdeka unsur liberalisme ini bukannya dibawa oleh kumpulan atau individu yang mendukung gerakan liberalisme seperti kini, tetapi dibawa oleh para penjajah dari Eropah. Apabila pemikiran liberalisme berjaya menguasai pemerintahan dan mempengaruhi majoriti negara-negara Barat, pendukung pemikiran liberalisme di barat turut cuba mengaplikasikan pemikiran dan pemahaman yang serupa ke negara-negara yang dijajah sama ada di Asia, Afrika mahupun Amerika Selatan. Bagi memahami hubung kaitnya, pengkaji berpendapat perlunya ada sedikit perbincangan berkenaan liberalisme yang berkembang di barat.

Menelusuri zaman *Renaissance* di Eropah telah mendorong kepada kuasa Eropah untuk belayar mencari kekuasaan. Malah, zaman *renaissance* juga telah dikaitkan dengan penguasaan pengaruh fahaman liberalisme di Eropah yang menyebabkan kejatuhan peranan gereja dalam masyarakat barat. Ini kerana *renaissance* di Eropah adalah perjuangan bagi membebaskan diri dari cengkaman kuasa tradisi¹¹ iaitu kuasa gereja. Sejarah pemikiran liberalisme di Eropah bermula dengan zaman reformasi oleh Martin Luther(1483-1546) dan gerakan yang memberi tentangan kepada gereja, hak kuasa politik, dan hak asasi manusia.¹²Gerakan liberalisme ini kemudiannya berkembang ke serata dunia barat seperti revolusi Amerika Syarikat dan revolusi Perancis. Ini bermakna, kuasa besar barat seperti Amerika Syarikat, Britian, dan Perancis kesemuanya kini dikuasai dengan pengaruh liberalisme yang menghakis kuasa agama dalam masyarakat.

Perkembangan kepada revolusi Amerika Syarikat dan Perancis ini telah merebak ke hampir kesemua negara Eropah yang lain. Pengaruh ini juga termasuk pelayaran dan penjajahan Portugis di Melaka. Kemasukan pihak penjajah di Tanah Melayu adalah permulaan bagi

¹¹ Ibid., 129.

¹² Ibid.

kewujudan unsur liberalisme di Tanah Melayu terutamanya melalui sistem sekularisme di dalam pentadbiran. Menyorot kembali pemerintahan kegemilangan kerajaan Melayu, agama dan pentadbiran tidak dipisahkan. Sultan atau Raja akan menjadi ketua pentadbiran dan ketua agama Islam. Sebaliknya telah diganti dengan sistem pentadbiran 'ala barat' yang mencetuskan sistem sekularisme di Tanah Melayu.

Semasa awal abad ke 20 ketika berlaku konflik antara Kaum Tua dan Kaum Muda di Tanah Melayu, kumpulan liberal juga telah wujud dalam kalangan masyarakat Melayu tetapi tidak secara gerakan yang besar dan hanya beberapa individu terlibat dan berselindung di sebalik kumpulan Kaum Muda. Malah, telah ada usaha oleh Sultan Perak pada waktu itu untuk membezakan kumpulan Kaum Muda iaitu mereka yang banyak menggunakan pemikiran Islah dengan kumpulan liberalisme.¹³

Walaupun bagaimanapun, pada awal perkembangan pemikiran liberalisme, kelompok ini kurang menonjolkan identiti mereka kerana pendukung pemikiran liberalisme tahu bahawa masyarakat di Malaysia tidak mudah untuk menerima fahaman liberalisme berbanding masyarakat beberapa negara Islam lain seperti negara-negara barat, Mesir dan Indonesia. Malah, gerakan liberalisme di Malaysia mempunyai jaringan dengan gerakan liberal Indonesia. Liberalisme di Malaysia merujuk kepada perbincangan kelompok intelektual yang membawa idea dan interpretasi yang bercanggah dengan fahaman yang sedia ada¹⁴.

[2] Liberalisme Pasca Merdeka

Tanah Melayu akhirnya mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Pun begitu, Tanah Melayu telah ditinggalkan dengan pengaruh pentadbiran yang berbentuk sekular oleh penjajah British. Ini jelas apabila perlembagaan persekutuan Malaysia mempunyai unsur-unsur falsafah liberalisme seperti yang terdapat dalam perlembagaan British. Pengkaji mengambil contoh satu akta berkenaan dengan hak kebebasan asasi yang telah digubal sejak pembentukan perlembagaan persekutuan Malaysia yang pertama.

Di dalam perkara lima hingga tiga belas Persekutuan Malaysia, ditekankan mengenai hak kebebasan asasi iaitu hak yang boleh diguna pakai oleh mana-mana warganegara¹⁵. Hak kebebasan asasi dilihat selari dengan falsafah liberalisme, iaitu rakyat boleh melakukan apa-apa sahaja tetapi atas tanggungjawab sendiri kerana manusia mempunyai rasional¹⁶. Di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, sejak digubal buat pertama kali pada tahun 1948, telah terdapat unsur-unsur liberalisme di dalam perlembagaan. Unsur ini terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia kesan daripada penjajahan.

Walaupun bagaimanapun, hasil dari perjuangan masyarakat Melayu ketika itu berjaya mengelakkan unsur sekularisme dalam keseluruhan Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan agama Islam dapat dimartabatkan sebagai agama rasmi Persekutuan.¹⁷ Menurut Abd Aziz A'zmi, dalam konteks Malaysia, liberalisme bukan keseluruhannya aspek negatif, tetapi ada juga aspek

¹³ Roff, W.R. *The Origins of Malay Nationalism*. (Kuala Lumpur. University of Malaya Press, 1967), 88.

¹⁴ Mohamad Kamil b. Hj Ab Majid et al., *Wasatiyyah Islam: Antara Liberalisme dan Konservatisme di Malaysia*, 207.

¹⁵ Perlembagaan Malaysia, Perkara 5-13, Hak Kebebasan Asasi.

¹⁶ A'zmi, A. A. "Liberalisme dalam konteks asas pembinaan negara Malaysia." *Malaysian Journal of Social Science* 1 (2016): 1-16.

¹⁷ *Ibid.*, 9.

yang positif terutamanya dalam konteks masyarakat multi agama dan multi etnik di Malaysia.¹⁸ Liberalisme yang dimaksudkan positif ini dilihat daripada sudut tindakan liberal iaitu lebih terbuka pada konteks masyarakat berbilang bangsa dan agama di Malaysia dan bukannya liberal yang merujuk kepada fahaman atau kepercayaan liberalisme.

Liberalisme dan Pembentukan Gerakan Sosial

Meskipun begitu, banyak kajian yang mendakwa bahawa fahaman liberalisme mula masuk dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia pada awal era tahun 1970an terutamanya melalui gerakan yang dibawa oleh Chandra Muzaffar melalui pertubuhan Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN).¹⁹ Kemudian, pada tahun 1980an perkembangan gerakan liberalisme ini lebih rancak dengan pembawaan pemikiran dan gerakan anti Hadis serta Jemaah Malaysia melalui Kassim Ahmad.²⁰

Individu seperti Chandra Muzaffar dan Kassim Ahmad begitu berani membawa pemikiran liberalisme ini telah berjaya mempengaruhi sekelompok masyarakat Melayu di Malaysia. Meskipun gerakan liberalisme pada awalnya hanya mendapat sekelompok kecil sokongan, tetapi ia menjadi permulaan kepada perkembangan pemikiran liberalisme khusus di Malaysia. Malah, perkembangan pemikiran liberalisme semakin berkembang sehingga kini.

Pada tahun 1993 pula, pemikiran liberalisme dikembangkan dalam bentuk gerakan Islam liberal dengan membawa konsep feminisme oleh pertubuhan *Sisters in Islam* (SIS). Pertubuhan ini diketuai oleh Zainah Anwar dan dianggotai oleh wanita-wanita profesional.²¹ Pertubuhan SIS mendakwa bahawa mereka membawa suara wanita supaya wanita tidak ditindas dan memperjuangkan unsur feminisme yang telah popular di barat. Selain dari tiga pertubuhan yang popular ini, terdapat juga beberapa pertubuhan lain yang memperjuangkan aliran pemikiran yang sama.

Antaranya adalah seperti *Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism* (MCCBCHS) pada tahun 1983, *Christian Federation of Malaysia* (CFM) pada tahun 1985 dan Institut Kajian Dasar (IKD) pada tahun 1985.²² Selain daripada disebarkan melalui pertubuhan atau gerakan, unsur-unsur liberalisme juga tersebar melalui individu.

Gerakan Sosial Liberal Islam Semasa

Gerakan Islam Liberal telah berada di tengah masyarakat Melayu terutamanya pada masa kini. Gerakan Islam liberal dilihat semakin berkembang di akhir 1990an dan di awal 2000. Pendekatan dan metode gerakan Islam liberal di Malaysia dilihat cuba menggunakan pemikiran rasional dalam mentafsir nas-nas al-Quran dan Hadis dalam membincangkan isu kontemporari.²³ Antara

¹⁸ Ibid., 13.

¹⁹ Fadhlullah Jamil, 'Islam Liberal: Perkembangannya di Malaysia' dalam *Siasah*, 2009, 15 dan 38

²⁰ Munif Zariruddin, Suhanim & Marzalina, Religious liberalisme in sisters in Islam discourse: An analysis on identification. Proceeding of The International conference on Social Science Research, ICSSR, Penang, 4-5 June 2013, 1037.

²¹ Ibid., 1048.

²² Earnie Elmie Helmi, Kamarudin Salleh & Nur Farhana, Perkembangan awal pluralisme agama di Malaysia, 3rd International Seminar on Islamic Thought, Bangi, 18-19 September 2018.

²³ Ibrahim Majdi Bin Mohamad Kamil, Pandangan William R. Roff Terhadap Intelektual Melayu Muslim (Aliran Kaum Tua dan Kaum Muda) Dalam 'The Origins of Malay Nationalism' dan Perkembangannya', Disertasi Sarjana Sains Sosial, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM., 2017, 87.

contoh gerakan Islam liberal kontemporari terdiri daripada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti *Sisters in Islam* (SIS), G25, dan *Islamic Renaissance Front* (IRF). Kumpulan ini mula mendepani isu kontemporari dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia pada masa kini.²⁴ Untuk memahami gerakan kumpulan ini, dikemukakan latar belakang ringkas mereka:

[1] *Sisters in Islam* (SIS)

Gerakan SIS diketahui umum adalah sebuah gerakan feminis iaitu gerakan yang memperjuangkan hak asasi terutamanya golongan wanita dan kanak-kanak. Meskipun begitu, apa yang menjadikan SIS sebagai sebuah gerakan Islam liberal adalah apabila gerakan SIS mempersoalkan dan mentafsir nas-nas dalil al-Quran dan Hadith mengikut kefahaman mereka.²⁵ Ini jelas dalam laman sesawang SIS apabila mereka mendakwa bahawa undang-undang Islam di Malaysia telah menafikan hak wanita Muslim di Malaysia dan sifat berat sebelah kerana dakwaan mereka hukum Islam di Malaysia cenderung melebihkan lelaki²⁶. Malah, banyak kajian yang telah dibuat mengenai SIS sebagai sebuah gerakan Islam liberal di Malaysia sama ada daripada sudut pertubuhan, ahli, pengaruh dan dari sudut pemikiran. SIS adalah sebuah persatuan yang membawa nama Islam feminis. Mereka yang di belakang persatuan SIS terdiri daripada bekas pegawai besar kerajaan, peguam, aktivis sosial, wartawan, dan ahli akademik.²⁷

Selain itu, aktiviti yang sering dilakukan oleh SIS menggambarkan sikap dan pemikiran liberalisme mereka. Antaranya SIS mengkritik autoriti agama seperti fatwa dan jabatan agama sama ada persekutuan ataupun negeri. Tambahan lagi, penulisan SIS banayak cenderung ke arah pemikiran liberalisme.²⁸ Manakala dalam metodologi gerakan SIS, mereka cuba untuk menginterpretasikan dan mentafsir nas dan dalil al-Quran mengikut perspektif feminis terutamanya dalam hal undang-undang keluarga Islam. SIS turut melakukan ijtihad tersendiri mengikut akal dan akibatnya berlaku kesilapan dalam pentafsiran nas dalil²⁹. Pendekatan SIS untuk memperjuangkan hak wanita adalah sesuatu yang baik. Malah, Islam juga memberi pengiktirafan yang besar kepada wanita. Walaubagaimanapun, ia bukanlah suatu lesen untuk melakukan ijtihad tanpa autoriti³⁰ sehingga mengkritik autoriti agama yang lain. Metode ini juga turut berlaku di dalam gerakan G25.

[2] G25 Malaysia (G25)

Kumpulan G25 adalah sebuah gerakan yang pada asalnya dianggotai oleh 25 orang yang berpengaruh dan berpengalaman dalam pelbagai bidang sama ada daripada sektor kerajaan ataupun swasta. G25 adalah sekumpulan Melayu yang berdaya saing memainkan peranan sebagai sebuah pertubuhan masyarakat yang nekad untuk menyuarakan perspektif *wasatiyyah*

²⁴ Ibid.

²⁵ The SIS story, <https://www.sistersinislam.org.my/page.php?35>, retrieved on 26th Julai 2019.

²⁶ Ibid.

²⁷ Senem Gurkan, 2018, The junction point of Islam and feminism: SIS (Sisters in Islam), an Islamic feminist organization, ZFWT, 10(1): 273-289.

²⁸ Munif Zariruddin, Suhaimin, Marzalina, 2013, Religious liberalism in Sisters in Islam in Islam discourse: An analysis on identification, ICSSR, Penang, 4-5 June.

²⁹ Abdussalam Mohamad Shukri & Musa Yusof Owoyeme, 2014, Sisters in Islam Quest for the reinterpretation of the Quran and Hadith: An Analysis of their views on equality, women judge and polygamy, Kajian Malaysia, vol.32(1):55-80.

³⁰ Rujuk Surah Al-Isra' ayat 36

dalam hal keagamaan. G25 menekankan pentadbiran sepatutnya dikendalikan selaras dengan apa yang termaktub dalam perlembagaan yang menjamin hak asasi rakyatnya terhadap kebebasan beragama dan menyuarakan pendapat masing-masing.³¹ Walaubagaimanapun, terdapat beberapa keraguan di dalam tindakan yang diambil oleh gerakan G25 dalam beberapa isu.

Antaranya tentangan G25 terhadap autoriti agama di Malaysia sehingga menuntut supaya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dimansuhkan dan akaunnya diaudit semula. G25 juga mencetuskan kontroversi apabila mendakwa bahawa khalwat adalah urusan peribadi dan hukuman khalwat perlu dimansuhkan.³² Selain itu, surat terbuka oleh G25 bertajuk "*Debate and discourse on Islamic Law*" telah mempersoalkan undang-undang Islam yang bagi mereka terlalu ekstrem dan melanggar hak kebebasan asasi.³³ Tambahan lagi, beberapa isu lain yang dilihat cuba mencabar autoriti agama dengan isu "dosa peribadi", isu tudung, mendakwa mahkamah syariah menjadikan pertindihan mahkamah, isu serbuan jabatan agama dan lain-lain lagi³⁴.

Mereka mempersoalkan bahawa tindakan yang diambil oleh autoriti agama itu bercanggah dengan perkara 11 hak kebebasan asasi di dalam perlembagaan Malaysia iaitu kebebasan beragama. Mereka memperjuangkan hak asasi ini atas nama kesederhanaan di dalam beragama. Walhal, apa yang diperjuangkan oleh gerakan G25 telah memberi justifikasi mereka sebagai sebuah gerakan Islam liberal atas perjuangannya yang bercanggah dengan Islam.³⁵

[3] Islamic Renaissance Front (IRF)

IRF adalah sebuah pertubuhan sosial yang ditubuhkan oleh Dr Ahmad Farouk Musa iaitu seorang doktor perubatan dan ahli akademik di sebuah universiti swasta tempatan. Pertubuhan gerakan sosial ini telah dilancarkan oleh Tariq Ramadhan yang merupakan seorang ahli akademik dalam bidang teologi Islam yang terkenal di Eropah pada 12 Disember 2019.³⁶

Jika dilihat pada visi gerakan IRF, fokus utama gerakan ini adalah untuk menyeru kepada kebangkitan semula Islam daripada pemikiran ortodok dan konservatif supaya masyarakat Muslim dapat mendepani masalah masa kini. Tambahan lagi, gerakan ini mendakwa mereka membawa islah dan tajdid untuk masyarakat pluraliti yang moden terutamanya melalui wacana ilmu.³⁷ Sehingga kini IRF aktif dalam menganjurkan seminar dan wacana serta menerbitkan buku berkaitan dengan Islam.

Walaubagaimanapun, IRF dilihat sebagai sebuah gerakan yang liberal apabila mereka sering menjemput tokoh yang diketahui membawa pemikiran liberal sama ada dari dalam atau luar negara seperti Chandra Muzaffar, Mustafa Akyol, Dr Mun'im Sirry, Dr Farid Al-Attas, Zailah Anwar, Farish Noor dan beberapa nama lagi. Meskipun wacana yang dibawakan oleh IRF dilihat

³¹ Laman Sesawang G25 Malaysia, <https://www.g25malaysia.org/about-us-1> [retrieved on 10/8/2019]

³² Nur Farhana Abdul Rahman, 2018, Autoriti agama di Malaysia: Kedudukan Dan Kritikan, *International Journal of Islamic Thought*, vol 14, 73.

³³ Ibid., 75.

³⁴ Ibid.

³⁵ Ibid.

³⁶ Laman sesawang Islamic Renaissance Front (IRF), <https://irfront.net/about-irf/introduction/> [retrieved on 10/8/2019]

³⁷ Ibid.

membawa tajuk yang membuka minda, tetapi dilihat unsur liberal wujud dalam wacana sehinggakan dilihat sangat kontroversi dan membawa polemik kepada masyarakat.

Sebagai contoh, kenyataan Dr Mun'im Sirry ketika menjadi panel program anjuran IRF membawa tafsiran baharu mengenai al-Quran yang bertentangan dengan jumhur 'ulama. Antaranya dengan mendakwa bahawa al-Quran tidak relevan dan turun di Mesopotamia.³⁸ Polemik ini telah mencetuskan fenomena bantahan dalam kalangan pelbagai pihak dan NGO Islam seperti Mufti Perlis, Dr Asri Zainul Abidin yang seketika itu di atas pentas yang sama bersama Dr Mun'im, mufti, Jabatan Agama Negeri dan Persekutuan termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui surat terbuka oleh Ketua Pengarah Jakim ketika itu, Tan Sri Dato Othman Haji Mustafa dan bantahan daripada badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan.³⁹

IRF membawa suatu pembaharuan yang mungkin tidak bersesuaian dengan ajaran Islam. Ini kerana, Islam di Malaysia berpegang teguh kepada akidah *Ahli Sunnah wal Jamaah*. Kebanyakan gerakan- Islam liberal cuba membawa pemahaman lain yang dilihat bertentangan dengan ajaran *Ahli Sunnah wal Jamaah*. Malah, fahaman Islam liberal ini juga diambil daripada tokoh yang diketahui membawa fahaman Islam liberal sama ada dari dalam atau luar negara. Gerakan-gerakan ini menjadi penyokong kuat kepada tokoh dan pendukung pemikiran liberalisme di Malaysia.

Perbincangan

Berdasarkan kepada perbincangan yang telah dikemukakan dari dapatan menunjukkan bahawa terdapat beberapa aspek yang boleh diberikan penjelasan yang merujuk kepada perkembangan liberalisme di Malaysia. Pengkaji berpendapat bahawa hasil dari sorotan awal liberalisme ini seperti berikut;

1) Idea Liberalisme Terus Berkembang

Idea dan pendekatan liberalisme bukanlah sesuatu yang baharu dalam masyarakat di Malaysia. Meskipun liberalisme dilihat aktif sekitar tahun 1970an, sebenarnya idea dan pendekatan liberalisme mula masuk apabila Tanah Melayu dijajah penjajah Portugis, di ikuti Belanda, British dan Jepun. Sebelum era penjajahan, negeri-negeri Melayu menggunakan bentuk pemerintahan beraja yang merupakan pengaplikasian sistem khalifah dalam kalangan negara-negara Islam. Pada masa kini, pengkaji mendapati bahawa idea liberalisme terus berkembang dengan pelbagai polemik-polemik baharu yang diperjuangkan oleh beberapa kelompok dan individu dalam masyarakat. Malah lebih banyak gerakan yang muncul sama ada daripada individu mahupun badan bukan kerajaan (NGO) atau pertubuhan-pertubuhan baru yang mendukung idea liberalisme. Gerakan-gerakan ini membawa kepada ancaman pemikiran khususnya terhadap masyarakat Islam di Malaysia. Dengan perkembangan teknologi dunia tanpa sempadan pada masa kini, masyarakat pada masa kini dihadapkan dengan pelbagai penulisan, wacana, video mahupun risalah-risalah yang menonjolkan idea-idea pemikiran baharu. Hal ini berkait dengan penguatkuasaan terhadap kelompok Islam liberal di Malaysia.

³⁸ Laman Sesawang JAKIM, <http://www.islam.gov.my/media-jakim/kenyataan-media/1117-kenyataan-media-ketua-pengarah-jakim-berkenaan-kenyataan-seorang-individu-dalam-program-anjuran-irf-dan-g25> [retrieved 10/8/2019]

³⁹ Ibid.

2) Tiada sekatan undang-undang atau akta secara langsung menghalang perkembangan golongan ini.

Dari analisis pengkaji, salah satu mengapa kesukaran membendung liberalisme di Malaysia adalah kerana tiada akta langsung yang membolehkan penyebaran idea liberalisme ini dihalang di Malaysia. Berbeza dengan kumpulan ajaran sesat, di mana setiap negeri dan perlembagaan persekutuan Malaysia. Sebagai contoh, majoriti akta agama negeri mempunyai bidang kuasa untuk mengharamkan ajaran sesat. Walaubagaimanapun, ia berbeza bagi membendung idea liberalisme di mana kelompok liberalisme berselindung di sebalik kumpulan-kumpulan Islam yang lain. Ini sukar untuk dibendung kerana idea liberalisme ini kebanyakannya disebarkan secara halus sama ada melalui penulisan, wacana, mahupun media. Ini berbeza dengan ajaran sesat di mana jelas berkenaan kesesatan akidah kepercayaan mahupun amalan yang memudahkan jawatankuasa fatwa mengharamkan sesuatu kumpulan ajaran sesat. Malah, kumpulan dan individu yang mendukung idea liberalisme berselindung di sebalik gerakan Islam yang berpengaruh, parti politik, mahupun pemerintah. Tambahan lagi, kelompok liberalisme ini sering melaungkan mereka bersuara atas sebab hak kebebasan asasi seperti yang telah dianjurkan dalam perkara lima hingga 13 perlembagaan persekutuan Malaysia.

3) Golongan Liberalisme yang mendapat sokongan pemerintah dan parti politik

Perbincangan yang boleh diusulkan hasil dari kajian ini adalah terdapat juga individu dan kelompok yang mendapat sokongan dari pemerintah dan parti-parti politik. Seperti yang telah dibincangkan dalam gerakan liberalisme semasa, pengkaji mengkaji dua contoh sampel gerakan liberalisme yang masyarakat akan idea liberalisme dalam masyarakat. Sebagai contoh, SIS semenjak dari awal penubuhannya merupakan salah satu gerakan yang memperjuangkan feminisme Islam. Malah, idea-idea feminisme Islam ini diambil daripada barat. Salah seorang pengasas gerakan SIS adalah anak kepada bekas seorang Perdana Menteri. Malah, ada program-program yang dianjurkan SIS mendapat sokongan dari pihak kerajaan, parti politik dan NGO yang lain.

Contoh kedua adalah gerakan G25. Seperti yang telah dibincangkan dalam sub topik yang sama, kumpulan G25 telah mencabar dan mencadangkan supaya JAKIM dimansuhkan dan telah mencadangkan hukuman khalwat dan beberapa undang-undang Islam lain disemak semula. Ini jelas menonjolkan idea-idea liberalisme dalam gerakan G25. Walaubagaimanapun, tiada tindakan tegas oleh pihak yang berautoriti terhadap gerakan G25 oleh kerana G25 dibentuk oleh bekas pegawai-pegawai tinggi kerajaan dan individu-individu yang berpengaruh dalam masyarakat. Pengkaji juga mendapati mereka yang mendukung idea liberalisme juga terdiri dari golongan masyarakat elit.

4) Idea Liberalisme membawa implikasi besar kepada masyarakat

Perbincangan terakhir yang ingin difokuskan oleh pengkaji adalah implikasi pemikiran liberalisme kepada masyarakat khususnya masyarakat muslim di Malaysia. Pada masa kini, kita dapat lihat pelbagai ilmu atau informasi mengenai ilmu Islam banyak dikongsikan pada masa kini. Malah, masyarakat lebih mudah untuk mendapat akses kepada ilmu-ilmu Islam sama ada dalam bentuk e-book, artikel, video, risalah dan seumpamanya melalui atas talian sahaja. Malah

tidak dapat dinafikan, dalam satu sudut, perkongsian maklumat yang banyak melalui perkembangan teknologi masa kini adalah perkara yang baik. Walaubagaimanapun, yang membawa kepada masalah dalam masyarakat adalah apabila terdapat terlalu banyak maklumat berkenaan Islam dalam media pada masa kini. Oleh kerana ledakan maklumat masa kini, tidak kesemua maklumat termasuk maklumat mengenai ilmu berkenaan agama Islam tidak ditapis. Hal ini boleh mempengaruhi pemikiran dan cara fikir masyarakat muslim di Malaysia dan akan lebih memudahkan lagi tersebarnya pemikiran liberalisme di Malaysia

Kesimpulan

Tuntasnya, liberalisme di Malaysia bukanlah sesuatu isu yang baharu, tetapi falsafah yang telah lama wujud di dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Liberalisme juga dilihat mengalami evolusi dalam kalangan warga di Malaysia semenjak pertama kali dibawa oleh pihak penjajah sehingga membentuk gerakan sosial di Malaysia yang disebut juga sebagai gerakan Islam liberal. Apa yang dapat dilihat, pendukung fahaman liberalisme ini semakin menonjolkan falsafah liberalisme terutamanya melalui gerakan Islam liberal dan atas nama hak asasi manusia. Meskipun falsafah liberalisme telah ada di tengah masyarakat di dalam bidang kehidupan seperti ekonomi, politik, budaya, undang-undang dan pentadbiran di Malaysia, perkembangan dan penyebaran falsafah liberalisme ini boleh membawa kepada ancaman dalam bentuk akidah terutamanya di kalangan masyarakat Islam masa kini khususnya di Malaysia.

Malaysia secara tradisinya berpegang kepada akidah ahli sunnah wal jamaah. Ideologi-ideologi yang bercanggah dengan fahaman arus perdana masyarakat di Malaysia tidak sepatutnya mengganggu gugat kerana konflik ini kebanyakannya akan membawa kepada perpecahan umat yang lebih besar berbanding penyatuan umat. Perkara-perkara yang baharu sepatutnya dibincangkan dahulu oleh orang-orang yang arif dalam bidang tersebut seperti dalam program pewacanaan, dialog, forum mahupun seminar oleh tokoh-tokoh bidang dan dibincangkan sebelum dibawa kepada umum. Ini penting supaya masyarakat tidak bercelaru dengan idea liberalisme dan ideologi-ideologi baharu masa kini.

Rujukan

- Andi Makmur, Peranan Ulama Dalam Membina Masyarakat Banjar di Kalimantan Selatan. *MIQOT*, vol, xxxvi(1), (2012):174-191.
- Azalina Binti Tatar, Fahaman Islam Liberal dan Hubungannya dengan Golongan Kelas Menengah, *E-proceeding of the 2nd International conference on Arabic and Islamic civilization, ICTSIC*, Kuala Lumpur: 9-10 Mac, 2015.
- Che Zarrina Sa'ari, al-Ghazzali and Institution: Analysis, Translation and Text of al-Risalah al-Laduniyyah, Department of Aqidah and Islamic Thought, Academy of Islamic Studies, University of Malaya: Kuala Lumpur, 2007.
- Berry, D. Idea-Idea Utama Dalam Sosiologi: Suatu Pengenalan, terj. Rahimah Abdul Aziz, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, 1993.
- Farawahida Bt Mohd Yusof & Nor Raihan Binto Nordin, Pandangan Gerakan Islam Liberal terhadap Hak Asasi Wanita, *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*, t.t.
- Hassan, M.H., Mengharmonikan Islam Dan Pasifisme: Satu Pendekatan Tradisionalis, *Journal of Al-Tamaddun*. 11, 2 (Dec. 2016), 1–18.

- Mohd Kamil, I.M, Mohd Khambali @ Hambali, K & Wan Ramli, W.A / *Online Journal of Research in Islamic Studies* 9(2) (2022): 61-72
- Khalif Muammar, "Islam dan Liberalisme: Antara Masalah dan Mafsadah," *Afkar* Vol. 20 Issue 2 (2018): 1-52
- Mohd Roslan Mohd Nor, Menangani Cabaran Umat Islam Era Moden, *Jurnal al-Tamaddun*. Bil (6), (2011): 107-121.
- Perlembagaan Malaysia, perkara 5-13, Hak Kebebasan asasi.
- Scott, J. & Marshall, G., *Oxford Dictionary of Sociology*, 3rd ed. Oxford University Press: New York, 2009.
- Marines & Galindo, The Relationship between the Ulama and the Government in The Contemporary Saudi Arabia Kingdom: An Interdependent Relationship? Thesis degree doctor of philosophy, *Centre For Middle Eastern & Islamic Studies*. University of Durkheim, 2001.
- Mohd Farid Mohd Shahrhan, *Akidah dan Pemikiran Islam: Isu dan Cabaran*. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia: Kuala Lumpur, 2015.
- Mohamad Abu Bakar, Gabungan 'Ulama Intelektual dan Gerakan Islam Semasa, *MEDIUM*, Bil 1(3), (1998): 13-131.
- Mohamad Kamil, 'Ulama dan Perubahan Sosial, *Jurnal Usuluddin*, Bil 10 (6) (1999): 81-112.
- Mohamad Kamil B. Hj. Ab Majid et al.-, *Wasatiyyah Islam: Antara Liberalisme & Konservatisme di Malaysia*. Ampang: Pekan Ilmu Publications, 2012.
- Mohd Roslan Mohd Nor, Menangani Cabaran Umat Islam Era Moden, *Jurnal al-Tamaddun*. Bil (6), (2011): 107-121.
- Muhammad Uthman el Muhammady. *Pascamodenisme: Satu pandangan awal*. *Monograf 3*, Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan, 2004.
- Muhammad Uthman el Muhammady, *Falsafah Agama John Hick: Pengamatan dari perspektif Ahli Sunnah wal-Jamaah*. MUAFAKAT: Kuala Lumpur, 2012.
- Munif Zainuddin, Suhanim Abdullah & Marzalina Mansor. *Religious Liberalism in Sisters in Islam Discourse: An Analytical on Identification*. *Proceeding of the international conference on social science research, ICSSR*, Penang: 4-5 June 2013.
- Noran Fauziah Yaakub, *Pengantar Sosiologi*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.: Petaling Jaya, 1987.
- Ritzer, G., *Contemporary Sociological Theory and its Classical Roots: The Basics*. New York: McGraw-Hill, 2003.
- Roucek, J. S. & Warren, R. L., *Sosiologi: Suatu Pengenalan*. Terj. Muhammad Haji Yusuf, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.
- S.S. Datuk Wan Zahidi Bin Wan Teh, *Kertas Gerakan Islam Liberal di Indonesia dan Kaitannya dengan ESQ*, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, 2010.
- Sumaya Mohamed & Shadiya Baqutaya, *Towards Social Change in Islam*. *International Journal of Basic and Applied Sciences*, vol:ii (2011).
- Wan Adli Wan Ramli, Menangani cabaral liberalisme dalam kalangan muslim berdasarkan konsep ijmak, *Jurnal Usuluddin*, 40, (2014): 27-49.
- Zulkifli, *The Ulama in Indonesia: Between Religious and Symbolic Powers*, *MIQOT*, vol xxxvii(1)(2013): 180-197.